| [tʂən ²¹⁴] | 诊 (memeriksa) 枕 (bantal) | [tsən ²¹⁴] | 100% |
| [tʂən ⁵¹] | 镇 (pekan) 震 (bergegar) 振 (mempergiatkan) 阵 (barisan hadapan) | ① [tsən ²¹⁴] ② [tsən ⁵¹] | 25% 75% |
| [tʂuo ⁵⁵] | 桌 (meja) | [tsuo ⁵¹] | 100% |
| [tʂɿ ⁵⁵] | 知 (tahu) 枝 (ranting) 之 (ini) 支 (cabang) | [tʂɿ ⁵⁵] | 100% |
| [tʂɿ ³⁵] | 直 (lurus) 取 (jawatan) 值 (bernilai) | ① [tʂɿ ³⁵] ② [tʂɿ ⁵¹] | 60% 40% |
| [tʂɿ ²¹⁴] | 纸 (kertas) 指 (jari) 只 (hanya) | [tʂɿ ²¹⁴] | 100% |
| [tʂɿ ⁵¹] | 至 (hingga) 治 (mentadbir) 制 (membuat) | [tʂɿ ⁵¹] | 100% |
| [tʂueɪ ⁵⁵] | 追 (mengejar) | [tʂueɪ ⁵⁵] | 100% |
| [tʂueɪ ⁵¹] | 坐 (gugur) | [tʂueɪ ⁵¹] | 100% |
| [tʂəŋ ⁵⁵] | 张 (buka) 章 (babak) | [tʂəŋ ⁵⁵] | 100% |
| [tʂəŋ ²¹⁴] | 掌 (tapak tangan) | [tʂəŋ ²¹⁴] | 100% |
| [tʂəŋ ⁵¹] | 涨 (mengembang) 脣 (rintangan) 丈 (lelaki) 账 (akaun) 仗 (peperangan) | [tʂəŋ ⁵¹] | 100% |
| [tʂəŋ ⁵⁵] | 争 (merebut) 征 (menyerang) 蒸 (menyejat) 挣 (bergelut) 筝 (wau) | [tʂəŋ ⁵⁵] | 100% |
| [tʂəŋ ²¹⁴] | 整 (keseluruhan) | [tʂəŋ ²¹⁴] | 100% |
| [tʂəŋ ⁵¹] | 政 (politik) 证 (bukti) 痘 (penyakit) 正 (tepat) | [tʂəŋ ⁵¹] | 100% |
| [tʂow ⁵⁵] | 周 (pusingan) 舟 (perahu) 粥 (bubur) | [tʂow ⁵⁵] | 100% |
| [tʂow ²¹⁴] | 肘 (siku) | [tʂow ⁵⁵] | 100% |
| [tʂow ⁵¹] | 兀 (jampi) 曜 (siang) | [tʂow ⁵¹] | 100% |
| [tʂuan ⁵⁵] | 专 (pakar) | [tʂuan ⁵⁵] | 100% |
| [tʂuan ²¹⁴] | 转 (pusing) | [tʂuan ²¹⁴] | 100% |
| [tʂuan ⁵¹] | 传 (biografi) | [tʂuan ⁵¹] | 100% |

* Catatan: ① & ② adalah ujuran subjek kajian yang berbeza bagi satu suku kata.

“Jadual 4.9 sambungan”

| Suku Kata Bahasa Mandarin Standard | | Sebutan Subjek Kajian | Peratusan (%) |
|------------------------------------|---|--|---------------|
| IPA | Tulisan Cina & Makna Bahasa Melayu | | |
| [tʂun ⁵¹] | 准 (membenarkan) | [tsun ⁵¹] | 100% |
| [tʂu ⁵⁵] | 珠 (manik) 朱 (merah) | [tsu ⁵⁵] | 100% |
| [tʂu ³⁵] | 烛 (lilin) 竹 (bulur) | ① [tsu ³⁵] ② [tsu ⁵¹] | 60% 40% |
| [tʂu ²¹⁴] | 煮 (masak) | [tsu ²¹⁴] | 100% |
| [tʂu ⁵¹] | 祝 (semoga) 助 (bantu) 注 (tumpu) 筑 (membina) 柱 (tiang) | [tsu ⁵¹] | 100% |
| [tʂuoŋ ⁵⁵] | 裝 (berhias) 庄 (kampung) | [tsuaŋ ⁵⁵] | 100% |
| [tʂuoŋ ⁵¹] | 壯 (kuat) 状 (keadaan) | [tsuoŋ ⁵¹] | 100% |


* Catatan: ① & ② adalah ujaran subjek kajian yang berbeza bagi satu suku kata.

Rumus dapatan kajian ditunjukkan di bawah:-

| | | |
|------------------------------|---|--|
| (a) [tʂ] → [ts] / _____ | { | A l Y u al an əŋ əω oo uA un uo ən əŋ uaI ueI uan uor |
|------------------------------|---|--|

$$\left[\begin{array}{l} \text{Retrofleks} \\ \text{-striden} \end{array} \right] \rightarrow \left[\begin{array}{l} \text{Alveolar} \\ \text{+striden} \end{array} \right] / _____ \{ \text{vokal} \}$$

(b) [ŋ] → [n] / tʂə__.



Sebanyak 58.82% konsonan frikatif alveolo-palatal [ɸ] diujar sebagai konsonan frikatif alveolar tak bersuara [s] dalam variasi yang dikaji. Kesemua [ɸ] diujar sebagai [s] apabila bergabung dengan vokal [i], [iA], [ian], [ioŋ], [ioω], [i ε], [iu], [in], [iŋ] dan [yŋ]. Ujaran [ɸ] adalah sama dengan *Huayu Standard* apabila bergabung dengan [y], [y ε], [y ε n] dan [yn]. Konsonan akhiran [n] diujar sebagai [ŋ] apabila [ɸ] bergabung dengan [in]. Hasil kajian ditunjukkan dalam Jadual 4.10.

Jadual 4.10 : Variasi Dalam Konsonan Initial Frikatif Alveolo-Palatal Tak Bersuara [ɸ] Bahagian B

| Suku Kata Bahasa Mandarin Standard | | Sebutan Subjek Kajian | Peratusan (%) |
|------------------------------------|------------------------------------|------------------------|---------------|
| IPA | Tulisan Cina & Makna Bahasa Melayu | | |
| [ɸi ⁵⁵] | 息 (berhenti) | [si ⁵⁵] | 100% |
| [ɸiA ⁵¹] | 下 (bawah) | [siA ⁵¹] | 100% |
| [ɸian ⁵⁵] | 先 (dahulu) | [sian ⁵⁵] | 100% |
| [ɸianŋ ⁵⁵] | 香 (harum) | [siaŋ ²¹⁴] | 100% |
| [ɸiaω ²¹⁴] | 小 (kecil) | [siaω ²¹⁴] | 100% |
| [ɸi ε ²¹⁴] | 写 (tulis) | [si ε ²¹⁴] | 100% |
| [ɸiu ⁵⁵] | 羞 (malu) | [siu ⁵⁵] | 100% |
| [ɸin ⁵⁵] | 心 (hati) | [sin ⁵⁵] | 100% |
| [ɸin ⁵¹] | 信 (percaya) | [sin ⁵¹] | 100% |

“Jadual 4.10 sambungan”

| Suku Kata Bahasa Mandarin Standard | | Sebutan Subjek Kajian | Peratusan (%) |
|------------------------------------|------------------------------------|-----------------------|---------------|
| IPA | Tulisan Cina & Makna Bahasa Melayu | | |
| [ɸɪŋ ⁵⁵] | 星 (bintang) | [sɪŋ ⁵⁵] | 100% |
| [ɸyŋ ⁵¹] | 兄弟 (abang) | [siyŋ ⁵¹] | 100% |

Rumusan dapatan kajian ditunjukkan di bawah:-

$$(a) \quad [\emptyset] \rightarrow [s] / __ \quad \left\{ \begin{array}{l} i \\ iA \\ ian \\ ion \\ iow \\ i \varepsilon \\ in \\ iŋ \\ yŋ \end{array} \right\}$$

$$\left[\begin{array}{l} \text{Alveolo-palatal} \\ +\text{anterior} \\ -\text{tinggi} \end{array} \right] \rightarrow \left[\begin{array}{l} \text{Alveolar} \\ +\text{anterior} \\ +\text{tinggi} \end{array} \right] / __ \left\{ \begin{array}{l} i \\ iA \\ ian \\ ion \\ iow \\ i \varepsilon \\ in \\ iŋ \\ yŋ \end{array} \right\}$$

$$(b) \quad [n] \rightarrow [ŋ] / \emptyset __$$

$$\left[\begin{array}{l} \text{Velar} \\ +\text{tinggi} \\ +\text{belakang} \end{array} \right] \rightarrow \left[\begin{array}{l} \text{Alveolar} \\ +\text{koronal} \\ +\text{anterior} \end{array} \right] / \emptyset __.$$

Sebanyak 97.06% konsonan malaran tak bergeser retrofleks bersuara [ɿ] diujar sebagai konsonan afrikat palato-alveolar bersuara [dʒ]. Manakala hanya 2.94% ujaran [ɿ] adalah sama dengan *Huayu* Standard. Walaupun ujaran standard [ɿ] hanya 2.94% dalam ujian Bahagian B, tetapi berdasarkan dapatan Bahagian A iaitu 67.62% daripada 105 ujaran [ɿ] diujar sebagai [dʒ] dan 32.38% ujaran adalah sama dengan *Huayu* Standard, penyelidik tetap merumuskan [ɿ] dan [dʒ] digunakan sebagai alofon fonem /ɿ/ dalam variasi yang dikaji apabila ia digabungkan dengan vokal-vokal tertentu. Sementara itu, kesemua [ɿ] diujar sebagai konsonan initial separuh vokal malaran palatal [j] apabila bergabung dengan [uŋ]. Jadual 4.12 menunjukkan dapatan kajian.

Jadual 4.11 : Variasi Dalam Konsonan Initial Malaran Tak Bergeser Retrofleks Bersuara [ɿ] Bahagian B


| Suku Kata Bahasa Mandarin Standard | | Sebutan Subjek Kajian | Peratusan (%) |
|------------------------------------|------------------------------------|------------------------|---------------|
| IPA | Tulisan Cina & Makna Bahasa Melayu | | |
| [Jan ³⁵] | 然 (namun) 燃 (membakar) | [dʒan ³⁵] | 100% |
| [Jan ²¹⁴] | 染 (menjangkiti) | | 100% |
| [ɿəŋ ²¹⁴] | 裏 (menjerit) | [dʒəŋ ²¹⁴] | 100% |
| [ɿəŋ ⁵¹] | 讗 (membenarkan) | [dʒəŋ ⁵¹] | 100% |
| [ɿəω ³⁵] | 繞 (mengampunkan) | [dʒəω ³⁵] | 80% |
| [ɿəω ²¹⁴] | 扰 (mengusik) | [dʒəω ²¹⁴] | 80% |
| [ɿəω ⁵¹] | 繞 (mengelilingi) | [dʒəω ⁵¹] | 80% |
| [ɿəŋ ⁵⁵] | 扔 (buang) | [dʒəŋ ⁵⁵] | 100% |
| [ɿəŋ ³⁵] | 仍 (masih) | [dʒəŋ ³⁵] | 100% |
| [ɿl ⁵¹] | 日 (matahari) | [dʒl ⁵¹] | 100% |
| [ɿuŋ ³⁵] | 容 (muat) 荣 (makmur) 熔 (mencairkan) | [juŋ ³⁵] | 100% |

“Jadual 4.11 sambungan”


| Suku Kata Bahasa Mandarin Standard | | Sebutan Subjek Kajian | Peratusan (%) |
|------------------------------------|------------------------------------|-------------------------|---------------|
| IPA | Tulisan Cina & Makna Bahasa Melayu | | |
| [ɿən ³⁵] | 人 (orang) 仁 (perimanusia) | [dʒən ³⁵] | 90% |
| [ɿən ²¹⁴] | 忍 (sabar) | [dʒən ²¹⁴] | 100% |
| [ɿən ⁵¹] | 任 (membiarkan) 认 (mengaku) | [dʒən ⁵¹] | 100% |
| [ɿʌ ²¹⁴] | 惹 (menyinggung perasaan) | [dʒʌ ²¹⁴] | 100% |
| [ɿʌ ⁵¹] | 热 (panas) | [dʒʌ ⁵¹] | 100% |
| [ɿu ³⁵] | 如 (umpama) 魁 (konfusiusnisme) | [dʒu ³⁵] | 100% |
| [ɿu ²¹⁴] | 乳 (susu) 露 (memalukan) | [dʒu ²¹⁴] | 100% |
| [ɿu ⁵¹] | 入 (masuk) | [dʒu ⁵¹] | 100% |
| [ɿuan ²¹⁴] | 软 (lembut) | [dʒuan ²¹⁴] | 100% |
| [ɿuel ⁵¹] | 瑞 (bertual) 锐 (tajam) | [dʒuel ⁵¹] | 100% |
| [ɿun ⁵¹] | 润 (membasahkan) | [dʒun ⁵¹] | 80% |
| [ɿuo ⁵¹] | 若 (seolah-olah) 弱 (lemah) | [dʒuo ⁵¹] | 100% |
| [ɿow ³⁵] | 柔 (lembut) | [dʒow ³⁵] | 100% |
| [ɿow ⁵¹] | 肉 (daging) | [dʒow ⁵¹] | 100% |

Rumusan dapatan kajian ditunjukkan di bawah:-

$$(a) \quad [ɿ] \rightarrow [dʒ] / \left\{ \begin{array}{l} l \\ \emptyset \\ u \\ an \\ qŋ \\ qω \\ æn \\ æŋ \\ oω \\ uan \\ uel \\ un \\ uo \end{array} \right\}$$



(b) [ɿ] → [j] / ____ uŋ



Sebanyak 15.24% konsonan plosif dwi-bibir aspirasi [p^h] diujar sebagai plosif dwi-bibir bukan aspirasi [p]. Keadaan yang sebaliknya turut berlaku, yakni 20% [p] diujar sebagai [p^h]. Hanya suku kata tertentu diujar oleh semua subjek kajian dari sebutan *Huayu Standard* [p^h] ke [p] atau sebaliknya. Contohnya, 坡 (cerun atau nama tempat) [$p^h o^{55}$] ke [po^{55}], 碧 (biru kehijauan) [pi^{51}] ke [p^hi^{51}], 彼 (pihak lain) [pi^{214}] ke [p^hi^{214}] dan 编 (menyunting) [$pian^{55}$] ke [p^hian^{55}]. Oleh kerana dalam ujian bacaan kebanyakan ujaran suku kata yang berkonsonan initial [p^h] dan [p] adalah sama dengan *Huayu Standard*, maka ujaran dari aspirasi [p^h] ke bukan aspirasi [p] atau sebaliknya adalah bersifat individu. Ini adalah kerana mereka tidak tahu sebutan standard bagi suku kata tertentu. Jadual berikut menunjukkan hasil kajian:-

Jadual 4.12a : Variasi Dalam Konsonan Initial Plosif Dwi-Bibir Aspirasi Tak Bersuara [p^h] Bahagian B

| Suku Kata Bahasa Mandarin Standard | | Sebutan Subjek Kajian | Peratusan (%) |
|------------------------------------|------------------------------------|-----------------------|---------------|
| IPA | Tulisan Cina & Makna Bahasa Melayu | | |
| [p ^h i ^{s1}] | 𠵼 (contoh) | [pi ^{s1}] | 60% |
| [p ^h in ⁵⁵] | 兵 (ping-pong) | [pin ⁵⁵] | 80% |
| [p ^h an ⁵⁵] | 乓 (ping-pong) | [pan ⁵⁵] | 80% |
| [p ^b o ⁵⁵] | 坡 (cerun) | [po ⁵⁵] | 100% |

Jadual 4.12b : Variasi Dalam Konsonan Initial Plosif Dwi-Bibir Bukan Aspirasi Tak Bersuara [p] Bahagian B

| Suku Kata Bahasa Mandarin Standard | | Sebutan Subjek Kajian | Peratusan (%) |
|------------------------------------|------------------------------------|-------------------------------------|---------------|
| IPA | Tulisan Cina & Makna Bahasa Melayu | | |
| [pi ²¹⁴] | 彼 (pihak lain) | [p ^h i ²¹⁴] | 100% |
| [pi ^{s1}] | 碧 (biru kehijauan) | [p ^h i ^{s1}] | 100% |
| [pian ⁵⁵] | 编 (menyunting) | [p ^h ian ⁵⁵] | 100% |
| [pin ^{s1}] | 并 (menggabungkan) | [p ^h in ^{s1}] | 40% |
| [po ⁵⁵] | 拔 (memperuntukkan) | [p ^h o ⁵⁵] | 40% |
| [pioo ⁵⁵] | 标 (tanda) | [p ^h ioo ⁵⁵] | 40% |

Rumus dapatan kajian ditunjukkan di bawah:-

$$(a) [p^h] \rightarrow [p] / __ \left\{ \begin{array}{l} i \\ iŋ \\ əŋ \\ o \end{array} \right\}$$

$$[+aspirasi] \rightarrow [-aspirasi] / __ \quad \left\{ \begin{array}{l} i \\ iŋ \\ əŋ \\ o \end{array} \right\}$$

$$(b) [p] \rightarrow [p^h] / __ \left\{ \begin{array}{l} i \\ iŋ \\ ian \\ iow \\ o \end{array} \right\}$$


$$[-aspirasi] \rightarrow [+aspirasi] / __ \quad \left\{ \begin{array}{l} i \\ iŋ \\ ian \\ iow \\ o \end{array} \right\}$$

Hanya 9.09% konsonan initial frikatif velar [x] diujar sebagai konsonan frikatif labio-dental [f]. Ujaran konsonan initial [x] ke [f] juga bersifat individu. Ini dapat diperlihatkan melalui 2 aspek, iaitu pertama, hanya 9.09% konsonan initial [x] diujar ke [f], kedua, ia tidak dilakukan oleh semua subjek kajian. Tambahan pula, daerah artikulasi velar [x] dan labio-dental [f] adalah jauh berbeza. Ini bermakna ujaran [x] ke [f] tidak melibatkan simplifikasi ujaran tetapi disebabkan oleh salah anggapan terhadap ujaran suku kata tertentu. Jadual berikut menunjukkan hasil kajian:-

Jadual 4.13 : Variasi Dalam Konsonan Initial Frikatif Velar Tak Bersuara [x]
Bahagian B

| Suku Kata Bahasa Mandarin Standard | | Sebutan Subjek Kajian | Peratusan (%) |
|------------------------------------|------------------------------------|-----------------------|---------------|
| IPA | Tulisan Cina & Makna Bahasa Melayu | | |
| [xu ⁵⁵] | 气 (menghembus nafas) | [f v ⁵⁵] | 40% |
| [xu ⁵¹] | 气 (rumah) 气 (melindungi) | [f v ⁵¹] | 60% |

Rumusan dapatan kajian ditunjukkan di bawah:-



Terdapat 20% konsonan initial separuh vokal malaran palatal [ç] diujar sebagai konsonan separuh vokal malaran palatal [j]. Ujaran [ç] ke [j] merupakan satu simplifikasi ujaran dari segi bentuk bibir iaitu bundar ke tidak bundar. Namun demikian, ujaran [ç] ke [j] juga bersifat individu kerana kesemua sebutan konsonan initial [ç] salah seorang subjek kajian adalah sama dengan *Huayu* Standard. Ini bermakna subjek kajian lain mengujar [ç] ke [j] disebabkan mereka menganggap sebutan [ç] adalah [j] apabila bergabung dengan [ε]. Jadual 4.14 menunjukkan hasil kajian:-

Jadual 4.14 : Variasi Dalam Konsonan Initial Separuh Vokal Malaran Tak Bersuara Palatal Bersuara [ç] Bahagian B

| Suku Kata Bahasa Mandarin Standard | | Sebutan Subjek Kajian | Peratusan (%) |
|------------------------------------|------------------------------------|-----------------------|---------------|
| IPA | Tulisan Cina & Makna Bahasa Melayu | | |
| [ç ε ⁵¹] | 月 (bulan) | [j ε ⁵¹] | 100% |
| [ç ε ³⁵] | 圆 (bulat) | [j ε ³⁵] | 80% |

Rumusan dapatan kajian adalah seperti berikut:-

$$[\text{ç}] \rightarrow [\text{j}] / __ \varepsilon$$

$$[+\text{bundar}] \rightarrow [-\text{bundar}] / __ \varepsilon$$

4.2 Ciri-ciri Distingtif Konsonan Initial Yang Dikaji


Daripada data-data yang dipungut, penyelidik cuba merumuskan dapatan kajian ujian bacaan Bahagian A kepada beberapa fakta berikut:-

- (a) Kesemua subjek kajian telah menggantikan konsonan initial retrofleks [tʂ tʂʰ] dengan alveolar [ts tsʰ] masing-masing dalam ujaran mereka yang berbentuk konteks dan suku kata berasingan. Penyelidik mendapati tiada perbezaan dari segi penyuaraan memandangkan kedua-dua konsonan initial retrofleks dan alveolar adalah tak bersuara. Begitu juga dengan cara artikulasi, afrikat [tʂ tʂʰ] disebut sebagai afrikat [ts tsʰ] masing-masing. Kedua-dua konsonan initial retrofleks afrikat [tʂ tʂʰ] dan afrikat [ts tsʰ] mempunyai ciri [+lepas lewat].

Oleh itu, perbezaan yang wujud di antara *Huayu* Standard dengan variasi tempatan adalah dari segi daerah aritikulasi.

Sebutan konsonan initial telah dipermudahkan oleh subjek kajian. Ujaran konsonan initial retrofleks tersebut digantikan dengan konsonan initial alveolar yang tidak perlu menggulungkan lidah ke bahagian atas rongga mulut. Perbezaan daerah artikulasi adalah seperti yang ditunjukkan dalam gambarajah di bawah:-

Gambarajah 4.0 : Daerah Artikulasi [tʂ tʂ^h] & [ts ts^h]




① [tʂ tʂ^h] ② [ts ts^h]

- (b) Kesemua subjek kajian menggantikan konsonan initial retrofleks [ʂ] dengan alveolar [s] dalam ujaran mereka yang mengikut konteks dan 97.06% dalam suku kata berasingan. Ujaran tersebut tidak menunjukkan perbezaan dari segi penyuaraan kerana kedua-dua konsonan retrofleks [ʂ] dan alveolar [s] adalah tak bersuara. Jika meninjau dari cara artikulasi, kedua-dua konsonan tersebut

adalah frikatif. Perbezaan wujud di antara *Huayu* Standard dengan variasi tempatan juga dari segi daerah aritikulasi.

Sebanyak 2.53% dan 1.27% [ʃ] diujar sebagai frikatif palato-alveolar [ʃ] serta [ʒ] masing-masing dalam ujaran suku kata berasingan. Dari segi penyuaraan, konsonan initial frikatif [ʃ] adalah [-bersuara] dan [ʒ] adalah [+bersuara]. Konsonan retrofleks [ʂ] tak bersuara telah diujar sebagai frikatif bersuara [ʒ]. Sementara itu, [s ʃ] merupakan bunyi sibilan yang mempunyai ciri-ciri [+koronal, +striden]. Dari segi cara artikulasi, ujaran retrofleks dipermudahkan kepada ujaran frikatif. Daerah artikulasi ditunjukkan dalam gambarajah berikut:-


Gambarajah 4.1 : Daerah Artikulasi [ʂ] dan [s ʃ ʒ]



- (c) Kesemua konsonan initial frikatif alveolo-palatal [ɸ] diujar sebagai frikatif alveolar [s] dalam ujaran teks mengikut konteks dan 58.82% dalam suku kata berasingan. Bunyi ujaran kedua-dua konsonan initial ini adalah berhampiran, ianya tak bersuara dan merupakan konsonan frikatif.

Simplifikasi turut berlaku dalam sebutan [ɸ] dalam variasi yang dikaji. Konsonan alveolar [s] adalah lebih senang diujar jika dibandingkan dengan konsonan alveolo-palatal [ɸ] yang mempunyai ciri-ciri [+koronal, +tinggi], sementara [s] bersifat [+koronal, -tinggi]. Perbezaan daerah artikulasi ditunjukkan dalam Gambarajah 4.2.

Gambarajah 4.2 : Daerah Artikulasi [ɸ] & [s]



① [ɸ] ② [s]


- (d) Sebanyak 67.62% konsonan malaran tak bergeser retrofleks bersuara [ɱ] diujar sebagai konsonan afrikat palato-alveolar bersuara [dʒ] dalam teks lanjutan dan 97.06% dalam suku kata berasingan. Sementara itu, [ɱ] diujar sebagai konsonan initial separuh vokal malaran palatal [j] apabila bergabung dengan [uŋ].

Dari segi penyuaraan, konsonan [ɱ] bersuara diujar sebagai [dʒ] dan [j] bersuara. Ujaran konsonan afrikat [dʒ] melibatkan geluncuran bunyi konsonan plosif alveolar [d] dan friktif palato-alveolar [ʒ]. Bunyi ini diujar dengan

hujung lidah digerakkan ke bahagian alveolar dan kemudian dilepaskan dengan menyempitkan aliran udara yang melalui rongga mulut.

Terdapat perbezaan dari segi cara artikulasi iaitu konsonan malaran tak bergeser diujar sebagai konsonan afrikat dan separuh vokal. Konsonan initial afrikat [dʒ] adalah bunyi sibilan yang mempunyai ciri-ciri [+striden, -lepas lewat]. Perbezaan daerah artikulasi [ɿ] dan [dʒ] ditunjukkan dalam Gambarajah 4.3.

Gambarajah 4.3 : Daerah Artikulasi [ɿ], [dʒ] & [j]




① [ɿ] ② [dʒ] ③ [j]

- (e) Sesetengah konsonan plosif dwi-bibir aspirasi [p^h] diujar sebagai konsonan plosif dwi-bibir bukan aspirasi [p] dan sebaliknya dalam ujaran suku kata berasingan. Dalam teks lanjutan, 40% [p^h] diujar sebagai [p] dan keadaan yang sebaliknya tidak berlaku dalam ujian ini. Kedua-dua konsonan ini hanya berbeza dari segi cara artikulasi, iaitu aspirasi atau bukan aspirasi.

- (f) Hanya sebilangan kecil konsonan initial frikatif velar [x] diujar sebagai frikatif labio-dental [f] dalam ujaran suku kata berasingan. Ianya tidak berlaku dalam ujaran teks lanjutan. Konsonan initial velar [x] mempunyai ciri-ciri [-bersuara, +tinggi, +belakang] diujar sebagai [f] yang bersifat [-bersuara, +labio, +anterior, -tinggi, -belakang].

Didapati tiada perbezaan dari segi penyuaraan kerana kedua-dua konsonan tersebut adalah tak bersuara. Begitu juga dengan cara artikulasi, kedua-duanya adalah konsonan frikatif. Perbezaan yang wujud ialah dari segi daerah artikulasi. Gambarajah berikut menunjukkan perbezaan ujaran [x] dan [f].

Gambarajah 4.4 : Daerah Artikulasi [x] & [f]




① [x] ② [f]

- (g) Sebilangan konsonan initial separuh vokal malaran tak bergeser palatal [ɥ] diujar sebagai separuh vokal palatal [j] dalam ujaran berbentuk konteks dan suku kata berasingan. Dalam kajian ini, didapati tiada perbezaan dari segi penyuaraan kerana konsonan initial separuh vokal [ɥ] dan [j] adalah bersuara.

Begitu juga dengan daerah artikulasi, kedua-duanya adalah konsonan initial separuh vokal palatal. Perbezaan yang wujud ialah dari segi bentuk bibir. Apabila mengajar [tʃ] mulut berbentuk bundar. Bunyi [j] pula diujar dengan mulut leper. Gambarajah berikut menunjukkan perbezaan bentuk bibir dalam ujaran [tʃ] dan [j].

Gambarajah 4.5 : Bentuk Bibir [tʃ] dan [j]



4.3 Interpretasi Dapatan Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik cuba mengenalpasti sama ada variasi yang ditunjukkan daripada data-data kajian merupakan suatu variasi dalam kumpulan tertentu atau bersifat individu. Selepas itu, penyelidik akan meninjau faktor-faktor yang menyebabkan kewujudan suatu variasi dalam ujaran konsonan initial di kawasan kajian. Penyelidik juga akan meneliti secara ringkas tentang pola variasi konsonan initial yang didapati daripada ujaran subjek kajian.

Variasi yang ditunjukkan dalam ujaran konsonan [ts ts^h s dʒ] untuk menggantikan ujaran retrofleks [tʂ tʂ^hʂ l] masing-masing dalam *Huayu Standard* merupakan suatu

fenomena yang bersifat kumpulan. Menurut data yang dipungut dari temubual, subjek kajian berpendapat konsonan retrofleks merupakan satu keistimewaan sebutan penduduk Beijing. Sebutan ini dianggap pelik jika diujar oleh orang-orang tempatan. Subjek kajian mengaku bahawa mereka tidak mengujar konsonan [tʂ tʂʰ ʂ] dalam percakapan harian. Tambahan pula, subjek kajian turut mengaku tidak begitu pasti tulisan Cina yang harus diujar sebagai retrofleks [tʂ tʂʰ ʂ]. Misalnya, subjek kajian tidak pasti tulisan Cina 知 (tahu), 吃 (makan) dan 是 (ialah) adalah berbunyi [tʂɿ⁵⁵], [tʂʰɿ⁵⁵] dan [ʂɿ⁵¹] masing-masing.

Namun demikian, retrofleks [ɿ] bukan sesuatu bunyi yang ganjil bagi mereka. Daripada perbualan dengan subjek kajian, penyelidik mendapati kedua-dua [ɿ] dan [dʒ] diujar sebagai konsonan initial yang bersifat alofonik. Umpamanya, suku kata 人 (orang) [ɿən³⁵] dalam *Huayu Standard* kadang-kadang diujar sebagai [dʒən³⁵], adakala diujar sebagai [dʒən³⁵] tanpa disedari oleh mereka. Sementara itu, setiap [ɿ] diujar sebagai [j] apabila digabungkan dengan [uŋ]. Ciri ini merupakan satu keunikan bahasa mereka.

Ujaran konsonan alveolo-palatal [ɸ] ke alveolar [s] juga bersifat kumpulan. Penyelidik mendapati kesemua [ɸ] diujar sebagai [s], kecuali apabila ia bergabung dengan [y], [y ε], [y ε n] dan [yn]. Ujaran variasi tersebut merupakan satu kebiasaan dalam pertuturan mereka. Mereka tidak pernah terfikir bahawa ujaran berkenaan adalah berlainan dengan ujaran *Huayu Standard*.

Mengikut pemerhatian penyelidik, ujaran [x] ke [f], [χ] ke [j] serta [p^h] ke [p] dan sebaliknya merupakan suatu yang bersifat individu. Subjek kajian tidak menghadapi sebarang masalah dalam mengujar konsonan aspirasi. Mereka mempunyai anggapan yang salah terhadap sebutan sesetengah suku kata. Ini dapat dilihat dalam ujaran [p^h] ke [p]. Dalam ujian teks lanjutan, terdapat 4 suku kata yang berkonsonan initial [p^h], hanya suku kata 坡 (cerun) [$p^h o$] diujar sebagai [po]. Kemudian dalam ujian Bahagian B, kesemua subjek mengujar sekali lagi 坡 (cerun) [$p^h o$] sebagai [po]. Terdapat 20 suku kata lain yang berkonsonan [p^h], hanya suku kata 警 (contoh) [$p^h i$] dan perkataan 乒乓 (ping-pong) [$p^h iŋ p^h on$] diujar sebagai konsonan [p]. Lebih-lebih lagi hanya sesetengah subjek kajian mengujar demikian.

Begitu juga dengan ujaran [xu] ke [f_v]. Keadaan ini hanya berlaku dalam suku kata tertentu dan diujar oleh subjek kajian tertentu, misalnya suku kata 家 (rumah) [xu^{51}] , 护 (melindungi) [xu^{51}] dan 呼 (menghembus nafas) [xu^{55}]. Tambahan pula, [x] tidak diujar sebagai [f] apabila ia bergabung dengan vokal-vokal lain.

Walaupun sebilangan besar daripada subjek kajian mengujar suku kata tertentu yang berbunyi [$\chi \varepsilon$] sebagai [j ε] dan bunyi [$\chi \varepsilon n$] sebagai [j εn], tetapi penyelidik mendapati ini adalah sesuatu yang bersifat individu. Ini adalah kerana kesemua ujaran [$\chi \varepsilon$] dan [$\chi \varepsilon n$] salah seorang subjek kajian sahaja adalah sama dengan *Huayu Standard*. Oleh itu, ujaran [χ] ke [j] hanya melibatkan soal individu, yakni sesetengah

penutur menganggap ujaran [ч] adalah [j]. Ini mungkin disebabkan kurang pendedahan kepada *Huayu* Standard.

Secara amnya, faktor-faktor yang menyebabkan kewujudan variasi konsonan initial dalam variasi yang dikaji adalah seperti berikut: -

- (a) Simplifikasi: Sebutan konsonan initial dipermudahkan oleh subjek kajian, misalnya konsonan initial retrofleks [tʂ tʂʰ ʂ] diujar sebagai konsonan initial alveolar [ts tsʰ s] masing-masing kerana ujaran tersebut tidak perlu menggulungkan lidah ke bahagian atas rongga mulut.
- (b) Pengaruh bahasa ibunda: *Huayu* bukan bahasa pertama yang dipelajari oleh subjek kajian. Oleh itu sebutan konsonan initial mereka dipengaruhi oleh bahasa ibunda yang tidak mempunyai sebutan konsonan initial retrofleks. Kesemua dialek subjek kajian iaitu Hokkien, Hakka, Hainan dan Teochew tidak mempunyai sebutan retrofleks. Walaupun subjek kajian adalah berasal dari keturunan dialek yang berlainan tetapi dapatan kajian tidak memperlihatkan pengaruh keturunan dialek yang berbeza ini ke atas penuturan *Huayu* mereka. Misalnya, ujaran subjek kajian yang berketurunan Hokkien dan Hainan untuk 人 (orang) adalah [dɿən³⁵] atau [ɿən³⁵]. Sekiranya penuturan mereka dipengaruhi oleh dialek masing-masing, subjek yang berketurunan Hokkien mungkin akan mengujar konsonan initial [ɿ] ke [l], sementara itu, subjek yang berketurunan Hainan dan Teochew pula akan mengujar konsonan initial [ɿ] ke [n].

- (c) Bunyi-bunyi yang berhampiran: Bunyi alveolo-palatal [ɸ] dan alveolar [s] adalah berhampiran. Oleh itu, penutur salah anggap [s] merupakan ujaran untuk bunyi [ɸ]. Ini turut berlaku dalam variasi konsonan retroflek [ɬ] iaitu [dʒ]. Menurut Ye dan Xu (1999), bunyi [ɬ] juga diujar sebagai retrofleks [z] dalam *Putonghua*. Bunyi [dʒ] kedengaran berhampiran dengan bunyi [z] yang telah dipermudahkan, maka [dʒ] mungkin dianggap sama dengan [z]. Begitu juga konsonan palato-alveolar [ʒ] dan [ʃ] dianggap sebagai bunyi yang sama dengan [ʂ].
- (d) Sebutan *Huayu* Standard tidak dipentingkan pada zaman persekolahan subjek. Ibu bapa dan guru-guru tidak begitu mementingkan sebutan *Huayu* Standard. Oleh itu mereka terikut-ikut dengan sebutan variasi tempatan. Contoh yang paling nyata ialah bunyi [ɬ] diujar sebagai [dʒ] dalam kehidupan harian orang-orang Cina di Kuching. Bunyi [dʒ] telah diujar dari generasi ke generasi tanpa kesedaran bahawa bunyi ini adalah jauh berbeza dengan ujaran *Huayu* Standard [ɬ].

Kajian ini menunjukkan satu pola dalam variasi yang dikaji. Penyelidik cuba merumuskan pola-pola tersebut dalam beberapa fakta berikut:

- (a) Data-data yang dipungut dari dua ujian tersebut adalah selaras. Ini bermakna ujaran subjek kajian adalah selaras dalam bentuk konteks dan suku kata berasingan. Sesetengah data menunjukkan angka yang berbeza dalam 2 ujian yang berlainan adalah disebabkan sesetengah suku kata diulang banyak kali

dalam teks lanjutan, sementara sesetengah suku kata tidak terkandung dalam teks berkenaan.

- (b) Konsonan retrofleks [tʂ tʂʰ ʂ] diujar sebagai konsonan initial alveolar [ts tsʰ s] dalam apa jua situasi sebutan.
- (c) Konsonan alveolo-palatal [ɸ] diujar sebagai konsonan alveolar [s] kecuali dalam suku kata yang diikuti dengan vokal [y ʏ ε ʏ ε n ʏn].
- (d) Konsonan retrofleks [ɿ] diujar sebagai [dʒ] dan sebaliknya. Kedua-dua konsonan ini boleh saling ganti-mengganti dengan bebas. Justeru itu, [dʒ] dan [ɿ] boleh dikatakan sebagai alofon /ɿ/ dalam variasi yang dikaji. Kesemua [ɿ] diujar sebagai [j] apabila digabungkan dengan [uŋ].